



Rujukan : UKM BEN 100-1/3/3

Tarikh : 16 Oktober 2023

Dekan/ Pengarah/Ketua/Pengetua  
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Kolej Kediaman  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof Ulung /Prof. /Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/ Puan,

### PEMAKLUMAN PENUKARAN KATA LALUAN DI SISTEM eP@UKM

Dengan hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa kata laluan pengguna Sistem eP@UKM perlu dikemaskini mulai 16 Oktober 2023, selaras dengan arahan yang dinyatakan di dalam Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) UKM versi 2.0.

3. Sehubungan itu, kata laluan pengguna perlu ditukar serta mestilah mematuhi perkara berikut:

- Panjang kata laluan adalah sekurang-kurangnya lapan (8) aksara dengan digalakkan gabungan huruf, angka atau simbol.
- Kata laluan tidak boleh dikongsi dan didedahkan kepada pihak lain dengan sengaja atau tanpa sengaja.
- Kata laluan hendaklah ditukar secara berkala.

4. Sukacita pihak Y.Bhg. Prof Ulung/ Prof./ Tan Sri /Datuk/Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan untuk mengambil tindakan seperti yang dinyatakan. Kerjasama Y. Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.

5. Jika terdapat sebarang pertanyaan lanjut, mohon pihak Y. Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung dengan Bahagian Perolehan Jabatan Bendahari ditalian 3553/5030 atau emel bahagianperolehan@ukm.edu.my



#### JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-89213553 Faks: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

Sekian, terima kasih.

***‘Akauntibiliti Pegangan Kita’***

Yang benar,



**MOHD AZLI BIN MOHD KASIRUN C.A.(M)**

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k:
- Naib Canselor, UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
  - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat), UKM
  - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana), UKM
  - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur), UKM
  - Pendaftar, UKM
  - Ketua Pustakawan, UKM
  - Pejabat Penasihat Undang-Undang, UKM